

Tahap penggunaan automasi masih rendah

Kuala Lumpur: Tahap penggunaan automasi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan pada masa ini masih rendah biarpun kerajaan sudah memperkenalkan pelbagai bantuan dana seperti insentif Elaun Modal (CA) Automasi sejak 2015.

Malah, baru-baru ini Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dalam kaji selidikinya mendedahkan hanya 34 peratus daripada 509 responden menerima pakai Industri 4.0 dengan melaksanakan automasi pada separuh pertama 2019.

Mengikut persatuan itu, tahap 34 peratus itu dianggap rendah

dan sepatutnya industri sudah berada pada tahap 60 peratus dari segi penggunaan automasi.

Tahap automasi yang rendah menyebabkan perusahaan memilih menggunakan khidmat buruh asing yang bergaji rendah dan mudah diperolehi. Akan tetapi ini menyebabkan gaji pekerja tempatan tidak dapat dipertingkatkan kerana kemahiran dan kelulusan teknikal yang mereka miliki tidak dapat dimanfaatkan.

Timbul persoalan apakah yang menyebabkan kadar penggunaan automasi dalam kalangan perusahaan, terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masih

rendah hingga kini.

Bagi Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, antara faktor PKS tidak beralih kepada automasi ialah kerana isu kewangan, iaitu kesukaran mencari pembiayaan membeli peralatan dan mesin yang membolehkan proses automasi itu berlaku.

Selain itu, katanya, biarpun automasi membolehkan PKS mengeluarkan barangan dengan lebih banyak, tetapi sering kali mereka menghadapi masalah memastikan semua barang yang dihasilkan, dapat dijual semuanya ke-

rana kurangnya pemasaran dan kekangan dalam rantai bekalan mereka.

“Sehubungan itu, untuk menggalakkan PKS menggunakan automasi, perlu adanya pembiayaan mudah atau intervensi yang membolehkan mereka menggunakan peralatan dan mesin yang meningkatkan produktiviti.

“Contoh intervensi seperti projek SIRIM-Fraunhofer yang mana PKS dibantu untuk memiliki mesin dan juga dibantu dari segi pembungkusan produk dan pemasaran.

“Pendek kata, jika bantuan ingin diberikan dari segi kewangan

untuk memiliki mesin automasi, mesti juga ada keseimbangan bantuan dari segi pemasaran dan rantai bekalan,” katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

CA Automasi mula diperkenalkan pada Bajet 2015 dan diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang menjangkakan sebanyak 400 syarikat bakal meraih manfaat daripada insentif terbabit menjelang 2020.

Insentif CA diperkenalkan bagi menggalakkan penggunaan automasi yang cepat, terutama di dalam industri berintensifkan buruh.